



## GERAKAN DAKWAH DAN IMPAKNYA TERHADAP PENINGKATAN KOMPOSISI MUSLIM DI SABAH

### DAKWAH MOVEMENT AND ITS IMPACT ON THE INCREASE OF MUSLIM COMPOSITION IN SABAH

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin<sup>1\*</sup>, Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>2</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>3</sup>, Irma Wani Othman<sup>4\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>5\*</sup>, Romzi Ationg<sup>6\*</sup> & Jais Abdul Hamid<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mnhidayath\_h@ums.edu.my

<sup>2</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: amrazif@ums.edu.my

<sup>3</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: saifulazry@ums.edu.my

<sup>4</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: irma@ums.edu.my

<sup>5</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>6</sup> Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah  
Email: mratong@ums.edu.my

<sup>7</sup> IPG Kampus Kent, Tuaran, Sabah  
Email: jahwin2009@gmail.com

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 15.03.2021

Published date: 30.04.2021

##### To cite this document:

Hajimin, M. N. H. H., Muis, A., M. R. A., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Hamid, J. A. (2021). Gerakan Dakwah dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. International Journal of Law,

#### Abstrak:

Bancian penduduk Sabah yang dijalankan sejak awal kemerdekaan sehingga kini menunjukkan perubahan yang ketara apabila komposisi Muslim yang mana didapati bahawa populasi Muslim di negeri ini berubah daripada kumpulan minoriti kepada kumpulan majoriti. Perubahan ini menunjukkan terdapat suatu faktor yang menyumbang kepada peningkatan tersebut iaitu gerakawan dakwah. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji proses dakwah dan impaknya terhadap perubahan komposisi Muslim di negeri ini. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara bertema. Hasil kajian mendapati usaha dakwah yang dilakukan di Sabah merupakan antara faktor utama kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Malah ia lebih jelas lagi pada tahun 1967 sehingga tahun 1976 di bawah gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pimpinan Tun Datu Mustapha. Justeru itu, usaha dakwah di bawah pimpinan Tun Datu

Government and Communication, 6 (23), 125-139.

DOI: 10.35631/IJLGC.623009.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Mustapha telah diiktiraf sebagai satu era dimana berlaku perubahan drastik komposisi Islam daripada 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976.

#### Kata Kunci:

Da'wah, Islam, Komposisi, Muslim, Sabah

#### Abstract:

The Sabah population census conducted since the beginning of independence until today indicated a significant change as the composition of Muslims shifted from a minority to a majority community. This shift suggests that there are factors contributing to the increase in Muslim composition. Thus, this study aims to examine the dakwah process in Sabah and its impact on changes in the composition of Muslims. This qualitative study was conducted using content analysis and an interview approach. The data obtained were analyzed descriptively and arranged thematically. The study found that one of the key factors in influencing the composition of Muslims in Sabah is the dakwah efforts carried out in the state. It was even clearer from 1967 to 1976, during the dakwah movement of the All Sabah Islamic Organization (USIA) led by Tun Datu Mustapha. The dakwah effort led by Tun Datu Mustapha was recognized as a period of rapid growth in the composition of Muslims where the composition was shifted dramatically from 38.7% in 1967 to 53% in 1976.

#### Keywords:

Da'wah, Islam, Composition, Muslim, Sabah

## Pengenalan

Bancian penduduk Sabah yang dijalankan sejak awal kemerdekaan sehingga kini menunjukkan berlakunya perubahan yang ketara apabila komposisi Muslim berubah daripada kumpulan minoriti kepada kumpulan majoriti. Perubahan ini juga mengisyaratkan terdapat suatu faktor yang menyumbang kepada perubahan tersebut. Secara umumnya, terdapat pelbagai faktor yang berpotensi menyumbang kepada perubahan tersebut. Antaranya adalah seperti aktiviti dakwah, proses migrasi, perkahwinan, kelahiran dan sebagainya. Bagaimanapun, kajian ini cuba memberikan tumpuan kepada satu aspek sahaja iaitu dakwah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada proses dakwah yang dijalankan di Sabah menyumbang kepada perubahan komposisi Muslim tersebut. Kajian kualitatif ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan temu bual. Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara bertema. Hasil kajian mendapati bahawa usaha dakwah yang dilakukan di Sabah tidak dapat diketepikan sebagai antara faktor kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Malah ia lebih jelas lagi pada tahun 1967 sehingga tahun 1976 di bawah gerakan dakwah Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pimpinan Tun Datu Mustapha. Usaha dakwah di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha telah diiktiraf sebagai satu era dakwah yang berkembang pesat apabila telah mengislamkan seramai 100,000 orang (Abdullah, 1976: 78). Usaha dakwah tersebut sekali gus telah menyebabkan satu perubahan drastik komposisi Islam daripada 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976.

## Landskap Beragama Penduduk Sabah

Sebelum membahaskan berkenaan landskap beragama masyarakat Sabah, perkara pokok yang perlu diketahui terlebih dahulu adalah pembahagian dan kumpulan etnik yang wujud di Sabah.

Seperti mana di negeri-negeri Malaysia yang lain, etnik Sabah boleh dibahagikan kepada kumpulan bumiputera dan bukan bumiputera. Etnik bumiputera utama di Sabah adalah Kadazandusun, Bajau dan Murut. Selain itu terdapat juga etnik-etnik bumiputera lain iaitu Idahan, Sungai, Kwijau, Iranun, Melayu-Brunei, Kedayan, Bisaya, Sulu, Tidong, Sino-Kadazan, Lotud, Rungus, Tambanuo, Dumpas, Maragang, Paitan, Minokok, Rumanau, Mangkaak, Cocos dan lain-lain lagi. Manakala bagi bukan bumiputera, etnik-etniknya terdiri daripada Cina, India, Pakistan, Eropah, Yaman dan lain-lain lagi.

Sebelum kemasukan pengaruh agama, peribumi Sabah tidak menganut sebarang agama (pagan) sebaliknya mengamalkan kepercayaan animisme iaitu mempercayai bahawa setiap benda dan alam sekeliling seperti pokok, batu, dan lain-lain mempunyai roh, semangat, hantu dan iblis. Pengaruh Islam terawal memasuki Sabah direkodkan pada tahun 1300 (Mat Zin, 2003). Manakala kemasukan Kristian ke Sabah adalah pada tahun 1859 (Regina, 2008).

Setelah kemasukan agama, etnik-etnik tersebut sinonim dibahagikan kepada agama dan kepercayaan tertentu. Ini kerana etnik-etnik tersebut membentuk majoriti penganut agama-agama tersebut. Bagi kumpulan etnik peribumi utama, Bajau merupakan etnik dominan Islam. Kadazandusun dan Murut merupakan etnik dominan Kristian. Ini bermaksud penyumbang utama penganut Islam di Sabah adalah daripada etnik Bajau. Manakala Kadazandusun dan Murut merupakan penyumbang utama kepada Kristian. Etnik-etnik lain yang dominan Islam adalah seperti Idahan, Sungai, Iranun, Melayu-Brunei, Kedayan, Bisaya, Sulu, Cocos, Tidong dan lain-lain. Begitu juga sekumpulan kecil dari kumpulan bukan bumiputera seperti Pakistan, Yaman dan lain-lain. Etnik-etnik lain yang dominan Kristian juga adalah seperti Rungus, Kwijau, Lotud, Lundayah, Dumpas, Tembenua, Tenggara, Tatana dan sebagainya. Selanjutnya Buddha sinonim dengan etnik Cina, dan Hindu sinonim dengan etnik India. Namun, tidak dinafikan masih terdapat masyarakat Sabah yang kekal tidak beragama dalam skala yang kecil. Malah terdapat juga mereka yang telah menganut sesuatu agama, tetapi mengamalkan kepercayaan animisme kerana telah sebatи sebagai adat mereka.

Dengan pembahagian di atas beberapa kesimpulan dapat dibuat iaitu masyarakat Sabah terdiri daripada pelbagai etnik dan agama. Setiap agama pula sinonim dianuti oleh etnik-etnik tertentu. Secara tidak langsung ia memudahkan masyarakat untuk mengenali pegangan agama bagi sesebuah etnik secara umum di Sabah.

Sungguhpun kemasukan Kristian adalah lewat berbanding Islam, namun ketika Sabah di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara Bristih (SBBUB) iaitu pada tahun 1881 sehingga 1946, dan ketika menjadi Tanah Jajahan Mahkota British pada tahun 1946 sehingga 1963, telah menyumbang kepada proses dakwah dan perkembangan agama Kristian ke seluruh daerah sehinggalah ke kawasan pedalaman. Hasil daripada dakwah tersebut, agama Kristian menjadi agama majoriti dianuti oleh penduduk Sabah sehinggalah ke tahun 1960-an.

Bancian terawal penduduk Sabah berdasarkan agama telah dibuat pada tahun 1921 oleh kerajaan SBBUB. Pada tahun 1921, penduduk keseluruhan Sabah adalah 257,804. Daripada jumlah tersebut penganut Islam adalah seramai 81,886, Kristian 6980, lain-lain 33,513 dan tidak beragama seramai 135,425. Daripada jumlah tersebut populasi Islam hanyalah 32%. Majoritinya adalah bukan Islam termasuk tidak beragama dengan 68%. Trend komposisi tersebut berterusan sehingga awal kemerdekaan Sabah. Menurut banci tahun 1960 yang dilakukan oleh Kerajaan British, daripada keseluruhan penduduk Sabah yang berjumlah 462,496, penganut Islam adalah seramai 154,165 orang. Manakala penganut Kristian seramai

46,155 orang, dan agama-agama lain termasuk tidak beragama seramai 262,176 orang (Jones 1962). Berdasarkan bancian tersebut, jelas menunjukkan bahawa penganut Islam kekal membentuk sepertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah dengan peratusan 33%. Selebihnya 67% kekal dibentuk oleh bukan Islam termasuk tidak beragama.

Bagaimanapun, bermula pada tahun 1970, landskap beragama di Sabah telah mengalami perubahan. Peningkatan penganut bagi setiap agama terus meningkat sekali gus mengurangkan jumlah mereka yang tidak beragama. Namun, berlaku peningkatan yang signifikan terhadap penganut Islam. Bancian pada tahun 1970 yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan daripada keseluruhan penduduk Sabah yang berjumlah 651,304 orang, 260,945 orang merupakan penganut Islam, 157,422 orang adalah Kristian, 63,313 orang adalah Buddha, manakala agama-agama lain termasuk tidak beragama berjumlah 169,626 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1970). Dengan demikian, penganut Islam telah membentuk 40% manakala 60% bukan Islam.

Selanjutnya angka tersebut terus meningkat dari tahun ke tahun sehingga Islam mulai membentuk kumpulan majoriti. Bancian pada tahun 2010, dari keseluruhan penduduk Sabah seramai 3,206,742 orang, 2,096,153 orang adalah penganut Islam, 853,726 orang Kristian, 194,428 orang Buddha, 3037 orang Hindu, dan agama lain-lain termasuk tidak beragama dan tidak diketahui adalah 59,395 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Ini menunjukkan penganut Islam membentuk 65% dan selebihnya 35% adalah bukan Islam. Bancian tersebut juga menunjukkan perubahan yang besar apabila trend komposisi etnik Muslim berterusan menjadi majoriti.

Perubahan landskap beragama di Sabah daripada minoriti kepada majoriti jelas menunjukkan terdapat usaha-usaha secara langsung dan tidak langsung yang telah berlaku sehingga mencapai perubahan tersebut. Usaha-usaha yang dilakukan sudah tentu telah melibatkan pelbagai medium dari pelbagai aspek. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan membahaskan secara khusus berkaitan dengan gerakan dakwah Islam yang telah menyumbang terhadap perubahan komposisi Muslim di Sabah.

## **Perkembangan Dakwah Islam Di Sabah**

### ***Gerakan Dakwah Islam Sebelum Kemerdekaan***

Usaha dakwah Islam di Sabah tidak boleh dipisahkan perbahasannya dengan dimulakan dengan sejarah kemasukan Islam itu sendiri ke Sabah. Terdapat beberapa teori berkenaan kemasukan Islam ke Sabah. Bagaimanapun, seperti mana yang berlaku di negara-negara lain, kemasukan dan dakwah Islam di Sabah itu juga telah bermula melalui migrasi golongan pedagang dan pendakwah ke Sabah. Kemasukan Islam ke Sabah dikatakan seiring dengan kedatangan Islam di kawasan-kawasan berhampiran Sabah pada abad ke 10.

Sumber pertama mengatakan bahawa Sabah menerima Islam daripada Kepulauan Sulu. Cesar Adib Majul (1973) menjelaskan bahawa pedagang Arab telah pun bermigrasi ke sebuah tempat bernama Mai (Mindoro) di Kepulauan Sulu. Ini berdasarkan kepada catatan bahawa Canton (kini Guangzhou), China pernah didatangi oleh pedagang Arab yang datang daripada Mai. Ini jelas menunjukkan bahawa orang-orang Islam telah pun ada di Mai. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan batu nisan bertarikh 1310 M di Bud Dato, Jolo. Tarikh tersebut menunjukkan bahawa Islam telah sampai lebih awal berbanding kajian Tom dan Barbara Harrison (1969-1970) yang mengatakan Islam diterima di Kepulauan Sulu melalui kehadiran Sharif Awliya'

Karim al-Makhdum pada tahun 1380 M (Muhiddin, 1990). Mereka telah membina penempatan di sana dan hasilnya Islam mulai diterima oleh penduduk tempatan dan tersebar ke kawasan berhampiran pada akhir abad ke-14 dan ke-15. Pandangan ini dapat diterima kerana Sabah pernah di bawah pemerintahan Islam iaitu Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Kesultanan Sulu secara tidak langsung telah membawa Islam sampai ke kawasan pantai timur Sabah seperti Lahad Datu, Semporna, Tawau, Kinabatangan, Sandakan dan lain-lain lagi. Maka tidak menghairankan apabila terdapat etnik-etnik dominan Islam daripada Kepulauan Sulu di kawasan tersebut seperti Bajau, Sulu, Visaya dan Iranun.

Sumber kedua pula adalah berdasarkan kepada sejarah Dinasti Sung, China yang mencatatkan bahawa pada tahun 977 M, sebuah wilayah bernama Pu-ni yang terletak di Pantai Barat Pulau Borneo merupakan sebuah wilayah Islam. Hal ini kerana Dinasti Sung telah menerima kedatangan utusan dari Pu-ni yang diketuai oleh P'u Ali (Abu Ali) (Muhiddin, 1990). Sebahagian ahli sejarah mempercayai Pu-ni adalah Brunei. Seperti mana Kesultanan Sulu, Sabah juga pernah diperintah oleh Kesultanan Brunei. Sejak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama lagi iaitu Sultan Muhammad Shah dipercayai telah membawa Islam masuk ke Sabah. Brunei yang menjadi pusat penyebaran Islam telah mengarahkan agar pembesar yang menjaga kawasan di Sabah turut menyebarkan Islam. Selain itu, sultan juga menggalakkan agar rakyatnya berhijrah dan membuat penempatan di Sabah. Kesultanan Brunei telah memerintah di sekitar kawasan pantai barat Sabah. Oleh itu, dapat diterima apabila etnik-etnik Brunei seperti Melayu-Brunei, Bisaya dan Kedayan membuat penempatan di Membakut, Beaufort, Menumbok, Bongawan, Sipitang, Kuala Penyu dan Papar.

Sumber ketiga menyatakan Islam masuk ke Sabah melalui Kalimantan Timur pada abad ke-17. Ini dapat dilihat orang-orang Islam yang menetap di sempadan Indonesia-Sabah telah bermigrasi di daerah Kutai, Tawau, Pontianak, Gambas, Kertawa-Ringan, Pasir Baram, Tulin-tuli, Banjar, Bolongan, Kepulauan Balbee dan lain-lain lagi. Kesannya terdapat etnik-etnik di Sabah telah menerima Islam seperti Tidong, Bulongan, Idahan, Sungai dan lain-lain lagi. Selain itu, terdapat juga pendapat-pendapat lain yang menyatakan kemasukan Islam ke Sabah adalah melalui Melaka, Aceh, Pasai dan sebagainya (Ismail, 1997).

Berdasarkan kepada perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa kemasukan Islam ke Sabah adalah hasil daripada aktiviti migrasi pedagang, pendakwah dan pengaruh daripada pemerintahan Islam. Sabah pada ketika itu juga merupakan lokasi persinggahan perdagangan sama ada di sebelah pantai barat dan pantai timur Sabah. Ini dapat diperkuatkan lagi apabila Sabah mempunyai sumber alam yang banyak seperti arang batu, rotan, mutiara dan sebagainya. Secara tidak langsung Sabah telah menerima Islam dari kedatangan pedagang-pedagang Arab yang turut sekali menyebarkan dakwah Islam. Dengan itu Islam telah sampai ke Sabah dianggarkan pada abad ke 11 dan ke 12 (Muhiddin, 1990).

Sehingga abad ke-20, Islam hanya tersebar di kawasan pesisir pantai sahaja. Etnik-etnik tertentu sahaja yang menerima Islam seperti Melayu-Brunei, Bisaya, Bajau, Suluk, Idahan dan sebagainya. Bagi etnik-etnik yang tinggal di kawasan pedalaman seperti Kadazan-Dusun dan Murut majoritinya tidak beragama sebaliknya mengamalkan kepercayaan animisme dan terdapat juga yang menganut agama Kristian. Dakwah Islam sukar untuk disampaikan secara meluas ekoran bentuk geografi Sabah yang berbukit, jalan yang terbatas, kekangan kewangan, dan kekurangan pendakwah. Gerakan dakwah pada ketika itu hanya dilakukan oleh individu dan kumpulan sukarela kerana tidak wujud sebarang badan atau organisasi khusus untuk menjalankan proses dakwah.

Kemasukan Islam ke Sabah adalah lebih awal iaitu pada tahun 1300 berbanding dengan agama Kristian pada tahun 1859 (Mat Zin, 2003; Regina, 2008). Bagaimanapun, ketika zaman penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 sehingga 1942, dan ketika Sabah menjadi Tanah Jajahan Mahkota British pada tahun 1946 sehingga 1963, agama Kristian lebih cepat berkembang. Hal ini kerana sistem dakwah yang dijalankan mereka adalah lebih sistematik. Mereka juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh dan mempunyai kemudahan dakwah yang efisien. Selain itu mereka juga mendapat bantuan daripada pertubuhan dan organisasi Kristian antarabangsa. Banyak pertubuhan Kristian antarabangsa termasuk gereja-gereja telah menyalurkan bantuan bagi tujuan perkembangan Kristian di Sabah. Selain daripada sumbangan dana, terdapat ramai paderi dan mualigh Kristian telah di bawa masuk ke Sabah. Badan Kristian yang terawal memasuki Sabah adalah Roman Katolik (Roman Catholic) pada tahun 1850-an. Selanjutnya Anglikan (Anglican), Persatuan Perkembangan Kitab Injil (Society for the Propagation of the Gospel), Persatuan Mualigh Gereja Australia (Australia Church Missionary Society), Gereja Persendirian Basel-Borneo (Borneo-Basel Self-Established Church), Seventh Day Adventists (S.D.A), St. Joseph's Foreign Missionary Society of Mill Hill, England dan Mission Evangelikal Borneo (Borneo Evangelical Mission) (Muhiddin, 1990).

Dengan kemasukan mereka, usaha dakwah Kristian telah dijalankan hampir ke seluruh Sabah sama ada kawasan bandar, luar bandar termasuklah pedalaman. Penyebaran dakwah Kristian di kawasan pedalaman seperti Keningau, Tenom, Pensiangan dan lain-lain tidak begitu sukar kerana para mualigh diberikan kemudahan kapal terbang seperti Missionary Aviation Fellowship (MAF) (Ismail, 1994). Setiap tempat yang dimasuki akan dijadikan sebagai pusat perkembangan Kristian. Dakwah Kristian dijalankan melalui pelbagai medium sama ada dari sudut pendidikan, pertanian, perniagaan, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain lagi. Malah institusi-institusi Kristian turut dibina seperti gereja dan sekolah. Dalam tempoh kira-kira 40 tahun, agama Kristian telah berkembang dengan agak pesat.

Pada era ini juga proses dakwah Islam tetap berjalan. Ini dapat dilihat apabila lahir tokoh-tokoh Islam yang bukan sahaja menentang penjajahan semata-mata, tetapi demi menegakkan Islam. Dari tahun 1775 hingga 1910 terdapat beberapa nama Muslim yang cukup dikenali dalam sejarah Sabah seperti Pengiran Usop, Syarif Usman, Datu Tating, Datu Baginda Puteh, Pengiran Syahbandar Hassan, Datu Paduka Mat Salleh, Haji Saman dan Pak Musa (Muhiddin, 1990).

Selain itu, muncul tokoh-tokoh pendakwah Islam yang tidak asing dalam gerakan dakwah pada zaman SBBUB seperti Ustaz Haji Zaini al-Palembangi, Imam Ahmad Mus Haji Ismail, Mandur Sharif, Tuanku Sayyid Muhammad bin Tuanku Sayyid Muhammad Shahbuddin dari Kedah, Haji Yaakub bin Haji Ali dari Kelantan, dan anaknya Tuan Haji Imam Suhaili bin Haji Yaakub. Majoriti pendakwah, guru dan aktivis Islam pada ketika itu juga adalah golongan migran dari pelbagai tempat di Nusantara Melayu sama ada Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia), Brunei, Filipina dan Indonesia. Terdapat juga tokoh-tokoh agamawan tempatan bagaimanapun dalam jumlah yang sedikit seperti Mohd Ali bin Kandalis dan Haji Roman berbangsa Dusun dari Ranau. Selain itu, Imam Haji Injir bin Haji Imam Pan Jang berbangsa Idahan dari Lahad Datu. Beliau merupakan keturunan generasi ke sepuluh kepada Abdullah iaitu peribumi pertama Sabah memeluk Islam (Anon, 1981).

Sabah juga telah didatangi oleh pendakwah luar daripada Kepulauan Melayu seperti Pakistan, Yaman, Arab Saudi dan lain-lain lagi. Umpamanya, Sabah telah didatangi oleh pendakwah Arab Yaman sekali gus menjadi perintis penempatan awal masyarakat Islam-Arab di daerah Tawau. Pendakwah Arab yang terkenal di Tawau ialah Habib Syeikh dan Habib Umar (Mohd Shaukhi, Asmady, Rizals & Sukura, 2007). Kedua-dua tokoh tersebut menjadi sandaran utama masyarakat tempatan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan hukum-hakam Islam. Masyarakat Arab yang sememangnya mempunyai pengetahuan yang luas dan berpengalaman dalam bidang dakwah, mereka sering dijemput dalam majlis kenduri, membaca barzanji dan apa sahaja bentuk kegiatan agama. Ketinggian ilmu yang ada pada mereka, bukan sahaja menyebabkan mereka menjadi rujukan masyarakat tempatan, malah diperlukan juga oleh pihak SBBUB bagi menyelesaikan masalah yang melibatkan agama Islam dan adat istiadat. Dengan kata lain, mereka telah menjadi penasihat bagi undang-undang Islam bagi pihak SBBUB.

Selain daripada mereka, terdapat lagi migran pendakwah dari negara lain. Bagaimanapun kurang penulisan berkenaan peranan mereka dalam dakwah di Sabah pada zaman penjajahan seperti Haji Ghulam Hasan dan Muhammad Alam dari Pakistan dan Hasan Kubro dari Arab Saudi (Anon, 1981).

Seperti mana yang dijelaskan sebelum ini, sejak kemasukan Islam sehingga zaman penjajahan, Islam hanya dianuti oleh penduduk yang tinggal di pesisir pantai. Islam mulai masuk ke kawasan pedalaman pada abad ke-19 iaitu sekitar tahun 1940-an. Usaha membawa Islam ke kawasan pedalaman antaranya dapat dilihat dilakukan oleh seorang migran Indonesia bernama Mandur Sharif atau nama sebenar beliau Mohd Sharif Adiwinata atau Sharif Ambik (Awang Sahari, 2003). Pada awal ketibaannya ke Sabah pada tahun 1920-an, beliau bekerja sebagai mandur estet getah di Lobou, Tuaran sebelum berpindah ke Ranau. Beliau yang turut dikenali sebagai Bapak Tua merupakan individu yang dipercayai membawa masuk Islam ke kawasan pedalaman Ranau. Beliau yang mahir dalam ilmu ketabiban, mengambil peluang menyebarkan Islam kepada sesiapa sahaja ketika mendapatkan perkhidmatannya. Hakikatnya, Mandur Sharif telah memulakan dakwahnya sejak bekerja sebagai mandur estet lagi. Apabila Mandur Sharif tidak lagi terikat dengan pihak penjajah, beliau mula berdakwah di Ranau. Muhammad Ali Bin Kandalis dari etnik Dusun merupakan individu etnik Dusun pertama memeluk Islam pada 3 Mac 1943. Dan yang terawal juga adalah Haji Daud Bin Beringkok, Haji Roman Bin Limbongot dan Naiman Bin Aru pada 10 Ogos 1945. Malah mualaf-mualaf daripada Ranau dianggap sebagai kumpulan yang telah mengembangkan Islam ke daerah-daerah pedalaman lain seperti Tambunan, Keningau, Sook, Nabawan, Tenom, Kiulu dan lain-lain lagi melalui migrasi, perkahwinan, pendidikan dan budaya kerja (Najion, 2010).

Sungguhpun perkembangan Islam pada ketika ini agak perlahan, namun penganut Islam tetap mengalami peningkatan walaupun dalam angka yang kecil. Perkara ini dapat dilihat menerusi beberapa rekod banci penduduk yang dibuat oleh kerajaan British. Pada tahun 1921, penganut Islam hanyalah berjumlah 31.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada tahun 1931, angkat tersebut meningkat kepada 32.1% dan pada tahun 1951 pula meningkat kepada 34.5%. Begitu juga pada tahun 1960, ia terus meningkat kepada 38% (Jones t.th).

Pada zaman penjajahan Jepun pula iaitu tahun 1942 sehingga 1946, sungguhpun perkembangan Kristian turut terganggu, namun perkembangan dakwah Islam juga tidak menunjukkan sebarang perubahan. Dakwah Islam tetap bergerak perlahan. Dakwah Islam masih dijalankan

secara tradisional iaitu atas inisiatif para pendakwah sukarela setakat kemampuan mereka. Penyampaian dakwah juga masih berpusat sekitar surau, masjid dan rumah-rumah pendakwah.

Setelah perang dunia ke-2 berakhir dan setelah tentera Jepun keluar daripada Sabah, sekali lagi Sabah di bawah pemerintahan British sebagai Tanah Jajahan British bermula tahun 1946 sehingga Sabah merdeka pada tahun 1963. Sepanjang tempoh ini, pihak British dapat mengembangkan agama Kristian sama ada dari sudut dakwah, pembukaan sekolah dan juga gereja.

Pada akhir tahun 1950-an, ketika Sabah berada di ambang kemerdekaan, perkembangan dakwah Islam Sabah melalui satu fasa baru apabila wujudnya inisiatif masyarakat untuk mewujudkan badan mahupun organisasi khusus untuk tujuan dakwah. Semangat dan kesungguhan mereka telah membawa kepada penubuhan beberapa persatuan Islam. Antara persatuan-persatuan tersebut adalah Persatuan Islam Tawau (PIT) yang diasaskan oleh Datuk Haji Abu Bakar Titingan pada tahun 1955, Persatuan Ikhwan Sabah (PIS) yang ditubuhkan pada 27 September 1957, Persatuan Islam Putatan (PIP) yang diasaskan oleh Awang Sahari Abdul Latif pada tahun 15 Oktober 1959, Persatuan Islam Sabah (PIS) pada tahun 1960 yang diasaskan oleh Haji Yusuf Shamsuddin dan lain-lain lagi (Farid & Anwar, 2003). Dengan adanya persatuan tersebut, ia telah membawa kepada perkembangan dakwah Islam Sabah kerana mempunyai organisasi tersusun yang tidak pernah ada sebelum itu.

### ***Gerakan Dakwah Islam Selepas Kemerdekaan***

Selepas kemerdekaan Sabah, Tun Datu Mustapha yang merupakan Ketua Menteri Sabah ke-3 telah menujuhkan sebuah badan dakwah Islam iaitu Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada tahun 1969. Sehingga tahun 2007, sebanyak 456 buah cawangan USIA telah dibuka di seluruh Sabah (Suzanah, 2012). Bagi menggerakkan aktiviti dakwah, USIA telah mendapatkan ramai khidmat pendakwah, guru-guru, dan aktivis agama tempatan mahupun luar. Bagaimanapun, majoriti agamawan yang diambil adalah daripada luar seperti Filipina, Indonesia, Semenanjung Malaysia dan Arab Saudi. Bagi guru-guru agama dan pendakwah daripada semenanjung dianggarkan seramai 300 orang telah di bawa masuk (Awang Sahari, 2003).

USIA telah menjalankan misi dakwah ke seluruh Sabah sama ada kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Pengislaman dilakukan secara beramai-ramai di beberapa tempat di Sabah. Islam telah diterima oleh pelbagai etnik seperti Dusun, Murut, Cina, India dan lain-lain termasuklah mereka yang tidak pernah menganut sebarang agama sebelum ini.

Gerakan dakwah pada era Tun Datu Mustapha melalui USIA telah diiktiraf sebagai satu era perkembangan dakwah yang paling pesat dalam sejarah peradaban Islam di Sabah. Dianggarkan sepanjang tahun 1967 sehingga tahun 1976, direkodkan seramai 50,000 sehingga 75,000 orang telah menganut Islam (Mohammad Agus, 1999: 14). Sekiranya dicampur dengan anak-anak mereka dianggarkan mencapai 100,000 orang (Abdullah, 1976: 168; Suraya, 2013: 78). Jumlah tersebut secara langsung telah mengubah komposisi orang-orang Islam di Sabah daripada 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976. (Robert, 1976: 500)

Apabila Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) ditubuhkan pada tahun 1971, ia membawa kepada fasa perkembangan yang lebih baik kepada Islam di Sabah. Ini kerana MUIS selaku badan kerajaan dapat menjaga kebijakan dan kepentingan orang-orang Islam secara lebih sistematik sama ada dari sudut pendidikan, ekonomi dan sosial. Hal ini juga termasuklah berkaitan dengan

dakwah. Setelah tertubuhnya MUIS, hal-ehwal dakwah yang sebelum ini dijalankan oleh USIA telah diserahkan kepada MUIS. Bagaimanapun ia tidak bermaksud USIA telah hilang peranan untuk menjalankan misi dakwah. Sehingga kini, USIA turut menerima orang yang ingin menganut Islam. Bagaimanapun setelah mereka mengucapkan syahadah, saudara-saudara baru tersebut akan diserahkan kepada MUIS dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) untuk proses selanjutnya (Matin, 2017).

Sekiranya di era USIA menggunakan khidmat agamawan daripada luar negeri, MUIS juga turut melakukan kaedah yang sama. MUIS telah mendapatkan khidmat agamawan daripada Filipina, Indonesia, Semenanjung Malaysia dan lain-lain lagi. Kumpulan pendakwah Indonesia terawal yang dipanggil oleh Tun Datu Mustapha adalah pada tahun 1974 iaitu seramai 18 orang (Nurasnie, 2012). Mereka adalah Ustaz Aliyudin Kamidi, Ustaz Haji Abd Khalik Masidin, Ustaz Dr. Adnan Idris, Dr. Munir Siregar, Ustaz Muhd Nawawi Muhammad, Ustaz Mansuruddin Batubara, Ustaz Mutualib Endra, Ustaz Yakub Lubis, Ustaz Moktar Zainudin, Ustaz Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Syafie Raja Duyut, Ustaz Iyen Yatim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Ghazali Sulaiman, Ustaz Ahmad Zaini, Ustaz Yahya Arshad, Ustaz Syarian Syah dan Ustaz Haji Muchlish Sitanggang Ali Kasim (Muchlish, 2016). Walaupun pada asalnya mereka dilantik sebagai guru agama, namun peranan mereka diperluaskan dengan menjadi pendakwah dan pentadbir agama. Antara mereka yang pernah terlibat sebagai pentadbir agama adalah Ustaz Aliyuddin Kamidi iaitu sebagai Pengarah Bahagian Dakwah MUIS. Begitu juga Ustaz Jalidar Abdul Rahim sebagai Penyelia Dakwah MUIS. Mereka sering terlibat dengan aktiviti agama seperti majlis perayaan dan sambutan hari kebesaran Islam; majlis pengislaman, Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Nuzul Quran, Musabaqah, Muzakarah, Tilawah dan Hafazan al-Qur'an dan banyak lagi. Mereka juga turut berdakwah menerusi penulisan artikel-artikel di majalah *Sawt al-Islam* (Suara Islam) terbitan MUIS untuk diedarkan kepada masyarakat secara percuma (Anon, 1997).

Pada tahun 1980, pada era Datuk Mohd Harris Salleh selaku Ketua Menteri Sabah ke-6, seramai tujuh orang guru agama Indonesia telah dipanggil untuk menjadi pendakwah MUIS. Kerajaan Sabah yang diwakili oleh mantan Mufti Sabah Datuk Haji Said Ibrahim dan Pegawai Sebaran Am MUIS Haji Johari Alias telah pergi ke Jakarta dan bertemu dengan bekas Perdana Menteri Indonesia Dr. Muhammad Natsir. Pada masa yang sama, Dr. Muhammad Natsir merupakan juga pengarah Rabitah Alam Islami Cawangan Indonesia. Dalam pertemuan tersebut, pihak Rabitah bersetuju untuk menghantar sepuluh orang guru agama ke Sabah. Bagaimanapun, atas kekangan tertentu hanya tujuh orang sahaja yang dapat dihantar untuk berkhidmat ke Sabah. Ketujuh-tujuh mereka adalah berbangsa Jawa yang berasal daripada Jawa Tengah dan Jawa Timur. Maka pada tahun 1980 mereka yang berhijrah ke Sabah adalah Ustaz Hamdani, Ustaz Haji Mohd Mursal Mukhtar, Ustaz Sofwan, Ustaz Burhanuddin Sham, Ustaz Abdul Mukti Saubari, Ustaz Abdul Salam Rahidi dan Ustaz Yazid Abas (Mohd Mursal, 2016). Pada awalnya mereka dilantik sebagai pendakwah MUIS. Bagaimanapun mereka juga pernah bertugas sebagai guru hampir di seluruh institusi pendidikan agama seperti Sekolah Agama Islam Sabah (SUIS), Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Pusat Latihan Dakwah (Mohd Mursal, 2016). Sepanjang berada di Sabah, segala pembiayaan dan gaji mereka dibayar oleh pertubuhan Rabitah Alam al-Islami di Mekah. Oleh sebab itu juga, segala laporan gerak kerja mereka dihantar terus ke Mekah (Nurasnie, 2012).

Pada sekitar tahun 1979 dan 1980, usaha dakwah yang dijalankan oleh MUIS telah menarik sejumlah masyarakat kepada Islam. Ini dapat dilihat apabila beberapa rekod majlis pengislaman telah dijalankan pada tahun-tahun tersebut, iaitu:

- 1) Pada bulan Julai tahun 1979 di Istana Kota Kinabalu (Anon t.th).
- 2) Februari 1980 di dua tempat iaitu Keningau melibatkan seramai 343 orang. Majlis tersebut telah disaksikan oleh Yang Di-Pertua Sabah Tun Mohd Adnan Robert, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Haji Muhammad Nasir dan Menteri Kerja Raya Negeri Sabah Datuk Haji Suffian Koroh (Anon t.th). Selanjutnya pada 29 Februari di Kudat yang melibatkan seramai 4000 orang (Mohd Abidin & Roziah 2003).
- 3) Pada 21 Jun 1980 di Keningau melibatkan 855 orang dari suku kaum Dusun dan Murut. Ia telah berlangsung di kediaman Tan Sri Suffian Haji Koroh yang pada ketika itu merupakan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam Negeri Sabah. Antara yang hadir adalah Ketua Menteri Sabah Datuk Mohd Harris Salleh dan isterinya Datin Rufiah Harris, Datuk Hj. Abdul Hamid Egoh (Setiausaha Kerajaan Negeri), Hj. Pawan Chik Zainuddin (Setiausaha Persekutuan), Datuk Hj. Abd Mumim Kalakhan (Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Sabah MUIS) serta Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohammad dan isterinya Tun Dr. Hasmah Mohammad Ali (Mohd Abidin & Roziah, 2003).

Pada peringkat awal, bagi menjaga kemaslahatan golongan saudara baru, USIA selaku badan dakwah pertama Sabah telah melantik pendakwah-pendakwah bagi meninjau sekali gus membuat tindakan susulan dalam membantu saudara baru di seluruh Sabah. Saudara baru tersebut akan diberikan bimbingan secara teori dan praktikal mengenai Islam. Selain itu, pada setiap tahun mereka juga akan dihantar ke Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi meneruskan pembelajaran (Edham, 1988).

MUIS juga turut memainkan peranan dalam usaha menjaga golongan saudara baru yang semakin meningkat. MUIS telah membina beberapa buah Pusat Latihan Dakwah (PLD). PLD ini berfungsi sebagai satu wadah bagi membimbing saudara baru memahami Islam secara lebih mendalam. Ini kerana terdapat saudara baru yang tidak mendapat tindakan susulan (*follow up*) selepas menganut Islam. Ini menyebabkan terdapat di antara mereka yang masih mengamalkan adat-adat lama seperti memakan khinzir, membuat dan meminum arak dan melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah. Malah tidak kurang juga ada di antara mereka yang telah kembali murtad sama ada kembali kepada agama asal mahupun kembali kepada tidak beragama. Dengan adanya pusat tersebut, mereka dapat menerima pendidikan dan bimbingan secara formal.

Mulai tahun 1984, pentadbiran dan pengurusan pusat latihan tersebut tidak lagi terletak di bawah MUIS sebaliknya telah diserahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) merupakan pusat latihan dakwah Islam pertama dibuka iaitu pada tahun 1979. Sehingga kini, sebanyak 4 buah pusat latihan dakwah Islam telah dibuka iaitu Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) iaitu nama baru bagi Pusat Latihan Dakwah Keningau, Pusat Latihan Dakwah Kudat, Pusat Latihan Islam Lahad Datu dan Pusat Latihan Islam Kundasang. Sungguhpun pada asalnya pusat latihan tersebut ditubuhkan bagi membimbing golongan saudara baru, namun oleh kerana orang-orang Islam asal juga turut tercincir daripada pendidikan agama, akhirnya pusat-pusat ini turut dibuka untuk semua belia Islam berumur 18-30 tahun (Mohd Abidin & Roziah, 2003). Terdapat pelbagai kursus dijalankan sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang yang telah disesuaikan mengikut kepada kumpulan pelatih. Begitu juga kursus-kursus tersebut terbahagi kepada peringkat sijil dan diploma. Antara subjek-subjek yang diajar adalah seperti Tauhid, Fiqh, Hadis, Tafsir,

Sejarah Islam, Akhlak, al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain lagi. Mereka juga dilatih untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kerohanian seperti qiamullail, ibadah korban, membaca al-Quran dan sebagainya. Selain itu, pihak PLD juga menjalankan inisiatif mengajarkan kursus-kursus tersebut di luar pusat seperti di kampung-kampung sekitar Sabah. Tenaga pengajar pula adalah terdiri daripada orang-orang tempatan dan juga daripada luar seperti dari semenanjung Malaysia (Suraya 2013). Sejak ditubuhkan pada tahun 1979 sehingga tahun 2015, terdapat lebih 6000 pelatih telah berjaya menamatkan pengajian. Seramai 5180 merupakan lepasan IPDAS dan 1726 orang lepasan PLD Kudat (JAKIM, t.th). Ia merupakan satu perkembangan yang baik berbanding pada awal pengambilan kumpulan pelatih pertama hanya 125 orang sahaja termasuk lelaki dan perempuan.

Hasil pengajian di pusat latihan ini, mereka bukan sahaja menerima pendidikan agama, malah dapat menyebarkan dakwah ke tempat-tempat lain terutamanya di kampung halaman masing-masing. Mereka bukan sahaja dapat mendidik ahli keluarga mereka, malah dapat memberikan imej Islam sebenar kepada golongan non-Muslim. Ia terbukti apabila sehingga kini ramai orang bukan Islam telah datang ke JHEAINS untuk menganut Islam hasil dakwah lepasan PLD tersebut (Mohd Abidin & Roziah, 2003).

Pada 1 Januari 1996, kerajaan negeri telah menuahkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Dengan adanya JHEAINS, MUIS tidak lagi dibebani dengan tugas-tugas untuk melaksanakan dasar-dasar yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak dan Undang-undang Syariah, sebaliknya diserahkan kepada JHEAINS selaku agensi kerajaan negeri yang mengurus tadbir hal-ehwal Islam. MUIS hanya berperanan sebagai penggubal dasar-dasar Islam bagi mengangkat martabat umat Islam Sabah manakala JHEAINS sebagai pelaksana dan penguat kuasa dasar-dasar yang ditetapkan. Bagi menjalankan fungsi JHEAINS, lapan bahagian telah diwujudkan bagi menjaga kepentingan dan maslahat Islam di Sabah iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Bahagian Dakwah, Bahagian Pendidikan, Bahagian Pentadbiran Syariah, Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah, Bahagian Penguatkuasaan dan Penyiasatan, Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Penyelidikan dan Informasi (Najion, 2010).

Dalam konteks dakwah, Bahagian Dakwah merupakan unit khusus dalam hal ehwal dakwah Islam di Sabah. Bahagian Dakwah terdiri daripada Unit Dakwah, Unit Ukhudah & Kaunseling, Unit Rumah Anak Yatim dan Baitul Ehsan. Bahagian ini bertanggungjawab dalam memberikan penghayatan Islam secara keseluruhan sama ada fardu ain atau fardu kifayah, membendung pengaruh penyelewengan akidah, menyelaras proses pengislaman serta mengendali dan mengurus hal ehwal anak-anak yatim, mualaf dan orang asal Islam. Medium-medium dakwah tradisi terus dilakukan seperti forum, seminar, dan lain-lain lagi. Selain itu, selari dengan peredaran masa, mereka turut menggunakan kecanggihan teknologi sebagai medium dakwah seperti radio, televisyen dan internet. Umpamanya maklumat berkaitan dengan saudara baru boleh diakses melalui laman web “Portal Saudara Kita” (<http://www.jheains.sabah.gov.my/saudarakita/>). Kelas-kelas bimbingan bagi golongan mualaf telah dijalankan hampir di seluruh daerah di Sabah. Pada tahun 2016, sebanyak 47 telah diwujudkan dengan jumlah pelajar seramai 2003 orang. Dalam menjalankan pengajian tersebut, seramai 147 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada rakyat tempatan dan luar (Aisah, 2016).

Pada masa kini, walaupun perkembangan dakwah tidak berlaku serancak pada awal kemerdekaan, namun ia tetap diteruskan oleh pelbagai badan dan organisasi. Sebagai badan

utama yang menggerakkan dakwah di Sabah, JHEAINS dan USIA telah menjalankan pelbagai program seperti berikut (Suzanah, 2012):

- 1) Mengadakan sebarang persidangan, seminar, forum, kolokium, dialog, kursus dan sebagainya. Ia menyasarkan pelbagai lapisan masyarakat sama ada ahli politik, pegawai kerajaan, pelajar dan termasuklah orang Islam dan bukan Islam, dan luar negara termasuklah para paderi turut dijemput.
- 2) Program kebajikan dan pembangunan sosial seperti bantuan terhadap mangsa kebakaran, banjir, sakit dan sebagainya.
- 3) Program dakwah secara bekerjasama dengan badan-badan dakwah yang lain sama ada badan tempatan atau daripada luar negara.
- 4) Membuat kerjasama dengan badan-badan kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Biro Tata Negara (BTN) dan lain-lain lagi.
- 5) Aktiviti sempena sambutan hari kebesaran Islam yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seperti Ihya Ramadan, Maal Hijrah, Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Nisfu Syaban, Nuzul Quran, Hari Raya Aildil Fitri dan Aidil Adha dan sebagainya.
- 6) Program pengislaman. Berdasarkan rekod daripada tahun 2006 sehingga Ogos 2016, jumlah orang yang menganut Islam adalah seramai 26,967 orang. Daripada jumlah tersebut, 24,708 orang adalah warganegara dan 2,259 adalah bukan warganegara (Aisah 2016). Daripada rekod tersebut, didapati bahawa kemasukan saudara baru terus berlaku, namun ia tidak lagi serancak seperti pada awal kemerdekaan Sabah.

### **Perubahan Peningkatan Komposisi Muslim Di Sabah**

Seperti mana yang telah dibincangkan pada peringkat awal kertas kerja ini, bancian penduduk terawal penduduk Sabah telah dibuat ketika di bawah pemerintahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada tahun 1881 sehingga 1942. Bagaimanapun ketika Perang Dunia Kedua (tahun 1942 sehingga 1946) berlaku telah menyebabkan sebahagian rekod bancian telah hilang. Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, Sabah diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan British sebagai British Crown Colony (Tanah Jajahan Mahkota British) bermula pada tahun 1946 sehingga kemerdekaan pada tahun 1963. Bancian penduduk yang telah dilakukan adalah pada tahun 1921, 1931, 1951 dan 1960. Manakala bancian penduduk terawal selepas kemerdekaan dibuat pada tahun 1970. Bancian penduduk adalah dilakukan sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Sehingga kini telah lima kali bancian penduduk telah di lakukan iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000 dan 2010. Bagi negeri Sabah, bancian populasi berdasarkan agama adalah seperti jadual di bawah.

**Rajah 1 Komposisi Penduduk Sabah Berdasarkan Agama**

<b>Agama/ Tahun</b>	<b>1921</b>	<b>1931</b>	<b>1951</b>	<b>1960</b>	<b>1970</b>	<b>1980</b>	<b>1991</b>	<b>2000</b>	<b>2010</b>
<b>Islam</b>	81886 (32%)	86713 (32%)	115126 (45%)	172324 (38%)	260945 (40%)	487627 (51%)	1062214 (61%)	1564839 (63%)	2096153 (65%)
<b>Kristian</b>	6980 (3%)	10454 (4%)	29092 (11%)	75247 (17%)	157422 (24%)	258606 (27%)	470371 (27%)	691096 (28%)	853726 (27%)
<b>Buddha</b>					63313 (10%)	78868 (8%)	126206 (7%)	160433 (7%)	194428 (6%)
<b>Hindu</b>						2896 (0.3%)	3231 (0.2%)	2468 (0.1%)	3037 (0.1%)

<b>Lain-lain</b>	33513 (13%)	41463 (15%)	33513 (13%)	206740 (46%)	94495 (15%)	65078 (7%)	25970 (2%)	17277 (0.7%)	5959 (0.2%)
<b>Tidak Beraga-ma</b>	135425 (53%)	131593 (49%)	135425 (53%)		75131 (12%)	57481 (6%)	40726 (2%)	32087 (1.3%)	9850 (0.3%)
<b>Tidak diketa-hui</b>							1380 (0.08%)		43586 (1.3%)
<b>Jumlah</b>	257804 (100%)	270223 (100%)	257804 (100%)	454311 (100%)	651304 (100%)	950556 (100%)	1730098 (100%)	2468200 (100%)	3206742 (100%)

Sumber: Diambil dan diubahsuai daripada North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

Berdasarkan kepada jadual di atas, dari tahun 1921 sehingga tahun 2010 berlaku peningkatan penganut bagi setiap agama sama ada Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Dengan peningkatan tersebut, ia telah menjadikan golongan tidak beragama semakin berkurangan. Hal ini jelas kerana berlakunya kemasukan pengaruh dan dakwah agama masing-masing. Apabila dibandingkan, Islam pada awalnya merupakan agama minoriti pada tahun 1921 sehinggalah tahun 1960. Pada tahun 1921 penganut Islam hanyalah 32% dan bukan Islam (termasuk tidak beragama) adalah 68%. Pada tahun 1960 penganut Islam 38% dan bukan Islam 62%. pada tahun 1970 penganut Islam meningkat kepada 40% dan peratusan bukan Islam mulai menurun kepada 60%. Pada tahun 1980 pula Islam terus meningkat menjadi 51% dan bukan Islam 49%. Pada tahun 2010, penganut Islam telah menjadi 65% dan bukan Islam 35%. Perubahan ini adalah impak yang diterima daripada usaha gerakan dakwah yang telah dilakukan secara berterusan oleh pelbagai pihak (seperti yang telah dibincangkan). Secara langsung, jelaslah bahawa gerakan dakwah yang berlaku di Sabah telah memberikan impak yang signifikan kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah daripada kumpulan minoriti kepada kumpulan majoriti.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas bahawa gerakan-gerakan dakwah yang berterusan sebelum merdeka sehingga kini dijalankan merupakan antara faktor yang telah menyumbang kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Malah, perkaitan berlakunya perubahan komposisi Muslim dengan gerakan dakwah lebih jelas lagi dilihat ketika era gerakan dakwah besa-besaran yang dilakukan oleh pertubuhan USIA di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha. Melalui gerakan dakwah tersebut telah berlaku peningkatan yang drastik dan signifikan bagi komposisi Muslim di Sabah. Secara langsung komposisi Muslim telah berubah daripada yang dulunya merupakan kumpulan minoriti menjadi kumpulan majoriti di Sabah.

### Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berdasarkan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111) dan geran penyelidikan Skim Penyelidikan Pensyarah Lantikan Baru (SLB0189-2019).

### Rujukan

- Abdullah Hussain. (1976). *Tun Datu Mustapha: bapa kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: M.F.I.
- Aisah Ohdin. (2017). *Perkembangan dakwah Islam di Sabah*. Temu bual, 3 Mei.
- Anon. (1981). Buku Sumbangan Bagi Pameran Hasil Sumbangan Islam Hingga Abad ke 15 Hijrah pada 21 November hingga 5 Disember 1981 di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu. Anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Majlis Agama Islam

- Sabah (MUIS), Jabatan Pelajaran, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) dan Muzium Negeri Sabah.
- Anon. (1997). *Sawt al-Islam*. Kota Kinabalu: Majlis Agama Islam Sabah (MUIS).
- Awang Sahari Abdul Latif. (2003). Mandur Sharif dan kegiatannya di Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 257-271. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cesar Adib Majul. (1973). *Muslim in the Philippines*. Quezon City: The University of the Philippines Press.
- Edham Sakmad. (1988). *Usaha United Sabah Islamic Association dalam membina orang-orang mu'allaf di Sabah dari tahun 1968–1986*. Skripsi Sarjana Ushuluddin Jurusan Perbandingan Agama Fakultas Ushuluddin Institut Agama Islam Negeri “Sunan Gunung Djati” Bandung.
- Farid Mat Zain & Anwar Fakhri Omar. (2003). Pengenalan sejarah kedatangan Islam ke Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm. 179-184. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. (1994). *Konflik politik Sabah: satu kajian kes*. Tesis Sarjana Persuratan. Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik dan agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 74.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sabah. t.th. *Pusat Latihan Dakwah Islam di Sabah*. <http://jakimsabah.islam.gov.my/index.php?lang=ms> [5 November 2016].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (1970). *Banci penduduk dan perumahan malaysia 1970*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia: taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi 2010*.
- Jones L.W. (t.th). *North Borneo: a report on the census of population held on 4<sup>th</sup> June 1951*. London: The government of the colony of North Borneo by the crown agents for the colonies.
- Jones, L.W. (1962). North Borneo: report on the census of population taken on 10th August 1960. Kuching: Government Printing Office.
- Mat Zin Mat Kib. (2003). *Kristian di Sabah 1881- 1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Matin Pandin. (2017). *Migrasi dan impaknya terhadap perkembangan Islam Sabah*. Temu bual, 14 Julai.
- Mohamad Agus Yusoff. (2001). Sabah politics under Pairin. *Jurnal Jati* 6: 29-40.
- Mohd Mursal Mukhtar. (2016). *Migran agamawan Indonesia di Sabah*. Temu bual, 1 Mac.
- Mohd Shaukhi Mohd Radzi, Asmady Idris, Rizal Zamani Idris & Sukura @ Fatimah Md. Hidup. (2007). Masyarakat Arab (keturunan Syed) di Tawau, Sabah: tinjauan terhadap sejarah pertapanan dan sumbangan dari aspek sosial. *Borneo Research Journal* 12(1): 189-204.
- Mohd. Abidin Hasmin & Roziah Sidik @ Mat Sidek. (2003). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) dan sumbangannya terhadap masyarakat Islam di Sabah. Dlm. Anwar Fakhri Omar, Ezad Azraai Jamsary & Jaffary Awang (pnyt). *Islam di Sarawak dan Sabah*. hlm 203-228. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muchlish Sitanggang Ali Kassim. (2016). *Migran agamawan Indonesia di Sabah*. Temu bual, 21 Februari.
- Muhiddin Yusin. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Najion Jamil. (2010). *Pembentukan Malaysia dan impaknya terhadap perkembangan Islam di Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

- Nurasnie Amiruddin. (2012). *Pendakwah Indonesia di Sabah 1967-1985*. Tesis Sarjana Sekolah Sains Sosial Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah.
- Regina Lim. (2008). *Federal state relations in Sabah, Malaysia: the BERJAYA administration, 1976-85*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Robert O. Tilman. (1976). Mustapha's Sabah, 1968-1976: The Tun steps down. *Asian Survey* 16(6): 495-509.
- Suraya Sintang. (2013). *Kehidupan beragama masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Suzanah Nilam. (2012). *Gerakan dakwah di Kota Kinabalu: kajian terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)*. Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Tom dan Barbara Harrison. 1969-1970. *The prehistory of Sabah*. Monograph Volume IV. Kota Kinabalu: Sabah Society Journal.